



PERCUMA

MAIPk

EDISI PERTAMA 2016 BIL. KESEMBILAN BELAS

MAJLIS PELANCARAN **WAQAF PERAK** AR-RIDZUAN



PENYERAHAN BIASISWA
Pelajaran Baitulmal



JEJAK ASNAF
Parit Buntar dan Pengkalan Hulu

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBRS. DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED

KETUA EDITOR

EN. WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN

EDITOR

EN. MOHD YAKOP BIN IKRAM
EN. SHAMSUL ANUAR BIN ZAKARIA

JURUFOTO

EN. MOHAMAD RAZIF BIN RAZALI
EN. AMIRULKHALID BIN AHMAD

EDARAN

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT

Diterbitkan Oleh :

Unit Perhubungan Korporat

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan

30000 Ipoh, Perak.

TEL : 05-2084000

FAKS : 05-2414257

LAMAN WEB : www.maiamp.gov.my

EMEL : korporat@maiamp.gov.my

FACEBOOK : Zakat Perak – MAIPK

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Hak Cipta Terpelihara. Tidak Dibenarkan Mengeluar Ulang Mana-Mana Bahagian Artikel, Ilustrasi Dan Isi Kandungan Buku Ini Dalam Apa Jua Bentuk Dan Dengan Cara Apa Jua Sama Ada Secara Elektronik, Fotokopi, Mekanik, Rakaman Atau Cara Lain, Sebelum Mendapat Keizinan Bertulis Daripada Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

KANDUNGAN

EDITORIAL

2

SEMASA

3-14

BERITA SANA SINI

15-16

WASIAT RAJA-RAJA MELAYU 16

DARI MEJA KETUA EDITOR



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Segala puji dan puja bagi Allah Taala yang mentadbir seluruh alam ini. Salam dan selawat ke Rasulullah SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan umat Islam yang sudah meninggal dunia atau masih hidup lagi.

Barangkali perkara yang bermain di fikiran kita, ke mana wang zakat yang telah kita serahkan kepada pejabat MAIPK diagihkan. Adakah penerima wang zakat tersebut satu atau dua golongan sahaja atau terdapat banyak golongan yang menerima zakat. Justeru, mari kita lihat Al-Quran, ayat 60, Surah Al-Taubah yang bermaksud: **“*Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, miskin, amil (pengurus zakat), para muallaf yang dipujuk hati mereka, untuk memerdekan hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan,...*”** Ayat tersebut telah menjelaskan dengan terang bahawa terdapat 8 golongan atau asnaf yang layak menerima wang zakat.

Lalu, apakah konsep agihan yang dilaksanakan kepada golongan-golongan tersebut? Para ulama menjelaskan enam prinsip bagi mengagihkan wang zakat adalah seperti berikut –

i. *Isti'ab* (menyeluruh)

Harta zakat wajib diagihkan kepada semua asnaf. Walaubagaimana pun jumlahnya tidak semestinya sekata iaitu 1/8 bagi setiap asnaf. Bahagiannya boleh berbeza mengikut keperluan serta mengikut golongan yang diutamakan dan yang boleh dikemudiankan.

ii. *Ikhtisas* (ketetapan)

Harta zakat hanya boleh diagihkan kepada lapan asnaf yang disebut Allah SWT dalam surah Al-Taubah, ayat 60.

iii. *Hak*

Zakat adalah hak maka harta zakat mesti disalurkan kepada asnaf. Polisi/prosedur agihan wajar dibuat bagi melicinkan proses agihan dan dilaksanakan sehingga tidak menafikan hak asnaf.

iv. *Muraqabah* (Pengawasan)

Semua agihan zakat dilakukan dengan pengawasan dan kawalan rapi oleh pemerintah sebarang pengagihan zakat yang meragukan perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa.

v. *Al-Kifayah* (Mencukupi)

Menepati keperluan asasi sebenar pemohon.

vi. *Fauran* (Serta merta)

Agihan dilakukan dengan segera selepas dikenal pasti layak menerima zakat.

Semoga maklumat-maklumat ini dapat merungkai kekusutan yang berlaku kepada sebahagian masyarakat mengenai konsep agihan wang zakat.

Sekian, terima kasih.

WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN

REALISASI PENGAGIHAN EKONOMI YANG ADIL LAGI SAKSAMA MELALUI INSTRUMEN WAKAF

IPOH - DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al - Maghfur - Lah mengingatkan umat Islam bahawa, setiap rezeki, harta dan kekayaan yang dimiliki adalah kurniaan daripada Ilahi. Baginda turut mengingatkan bahawa kesemua kurniaan itu menjadi ujian daripada Allah SWT tentang bagaimana kurniaan tersebut digunakan.

“Setiap rezeki, harta dan kekayaan adalah kurniaan daripada ILAHI dan turut menjadi ujian daripada ILAHI akan cara anugerah tersebut digunakan. Manusia wajib yakin bahawa amalan berwakaf adalah satu tabungan kekal yang begitu besar manfaatnya untuk kehidupan manusia lain, dan diganjar oleh Allah Subhanahu Wata’ala tanpa ada tempoh masa. Sewajarnya manusia berlumba untuk berwakaf dan wakaf hendaklah dijadikan salah satu saluran yang dapat menghampirkan diri manusia untuk mendapatkan kasih sayang dan reda Ilahi.

Sesungguhnya wakaf ialah instrumen yang berperanan menggabungkan elemen rohaniah dan kebendaan serta dapat berfungsi sebagai pemangkin ekonomi dan pembangunan ummah. Semangat wakaf yang mengalir dalam jiwa para anbia, sahabat, ulama’, dan umat Islam terdahulu wajib dijadikan ikutan. Saidina Umar Radiallahuanhu telah menyerahkan tanahnya yang subur di Khaibar, Abu Talhah menafkahkan

harta tercintanya dan Masjid Quba serta Masjid Nabawi dibangunkan di atas tanah yang diwakafkan. Amalan wakaf telah berjaya merapatkan hubungan manusia dengan Penciptanya serta mengimarahkan hubungan manusia sesama manusia, *hablumminallah hablumminannas*.

Usaha mengagihkan kekayaan secara adil – secara saksama wajib dirintis untuk memastikan berlakunya keadilan dan nasib insan miskin terbelah. Wakaf merupakan satu mekanisme yang membolehkan pengagihan ekonomi secara adil lagi saksama, direalisasikan. Pada era kegemilangan Islam, wakaf terbukti digunakan secara efektif untuk memenuhi keperluan hidup masyarakat. Wakaf bukan sahaja memenuhi peranan sebagai mekanisme pengagihan kekayaan secara adil – secara saksama, tetapi turut berperanan memperkukuhkan keupayaan individu dan keupayaan masyarakat yang memerlukan bantuan. Kemuncak kehebatan amalan wakaf dicapai pada zaman Khilafah Uthmaniyyah yang disimpulkan seperti berikut:

“Seseorang dilahirkan dalam rumah yang diwakafkan, tidur dalam buaian yang diwakafkan, membaca buku-buku yang diwakafkan, mengajar dalam sekolah yang diwakafkan, menerima gaji daripada pentadbiran wakaf dan akhirnya apabila ia mati, urusan jenazahnya adalah atas pentadbiran wakaf dan ia dikuburkan dalam tanah



perkuburan wakaf.” Titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dalam Majlis Pelancaran Waqaf Perak Ar-Ridzuan pada 07 April 2016 di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan menyeru seluruh ummah tampil ke hadapan untuk bersama-sama menghulurkan sumbangan menjayakan dana Waqaf Perak Ar-Ridzuan, sama ada secara material, perkhidmatan, pemikiran, tenaga dan masa agar wakaf dapat berperanan efektif untuk membangunkan taraf sosioekonomi ummah. Di samping itu, Baginda mendoakan semoga setiap perencanaan Waqaf Perak Ar-Ridzuan dapat memenuhi hasrat amal jariah setiap pewakaf dan semoga segala usaha dari setiap pihak beroleh ganjaran serta rahmat Ilahi.

MAJLIS TAULIAH PELANTIKAN IMAM SERTA BILAL DI TANJUNG MALIM

TANJUNG MALIM - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah berkenan menyampaikan tauliah pelantikan imam dan bilal pada 18 Mac 2016. Pelantikan ini melibatkan seramai 507 orang imam dan bilal di Daerah Muallim, Batang Padang, Kampung Gajah

dan Hilir Perak. Tempoh pelantikan tersebut adalah bagi tempoh tiga tahun bermula dari Februari 2016 sehingga Januari 2019. Majlis anjuran Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) itu diadakan di Dewan Sri Tanjung. Penerima watikah pelantikan ini telah melibatkan sejumlah 169 buah masjid di mana seramai 338 penerima watikah pelantikan imam dan bilal dari

daerah Muallim (40), Tapah (68), Kampung Gajah (62) dan Teluk Intan (168). Hadir sama, Menteri Besar Perak, Dato' Seri Dr Zambry Abd Kadir, Pengarah JAIPk Dato' Mohd Yusop Husin, Yang Dipertua MAIPk Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid Mohd Noordin, dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk Dr. Amiruddin Muhamed.



PNB SERAH ZAKAT BERJUMLAH LEBIH RM 6 JUTA KEPADA MAIPK

KUALA LUMPUR - Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyampaikan bayaran zakat perniagaan bagi tahun kewangan berakhir 2014 berjumlah RM 6.26 juta kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) di Istana Hinggap Perak pada 09 Mac 2016. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah berkenan menerima cek zakat perniagaan tersebut bagi pihak MAIPK. Cek zakat ini diserahkan oleh Pengerusi PNB Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid. Turut hadir

ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, Yang Dipertua MAIPk Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin serta Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk Dr. Amiruddin

Muhamed. Pembayaran zakat Kumpulan PNB dibuat mengikut haul dan nisab yang ditetapkan dan jumlah zakat perniagaan ini terkumpul membabitkan anak syarikat PNB.



SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPK



- Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Idi Amin bin Arsad di Jalan Temoh, Kampar pada 15 Januari 2016.



- Sumbangan bantuan kewangan kepada muallaf warga emas di Ipoh pada 23 Januari 2016.



- Sumbangan bantuan baik pulih rumah kepada Mohd Rashidie Mahandren bin Abdullah di Taman Saga, Ipoh pada 30 Januari 2016.



- Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Encik Kamarol bin Abu Samah di Kampung Paloh, Ipoh pada 04 Februari 2016.



- Sumbangan bantuan perubatan kepada Puan Jamaiah binti Mohd Tahir di Pasir Puteh, Ipoh pada 22 Februari 2016.



- Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Mohd Faizul bin Mohd Hussin di Sungai Siput (U) pada 02 Mac 2016.

PROGRAM JEJAK ASNAF PARIT BUNTAR

PARIT BUNTAR - Bagi menterjemahkan dan memperkasakan keprihatinan MAIPK terhadap golongan-golongan yang tidak bernasib baik, MAIPK sekali lagi telah mengadakan program jejak asnaf di sekitar kawasan Parit Buntar pada 18 Februari 2016. Program jejak asnaf tersebut turut disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Dr. Amiruddin Muhamed. Antara lokasi-lokasi yang dilawati ialah seperti berikut :-

LOKASI 1

Ahmad Nazri bin Samsudin

Rumah Encik Ahmad Nazri terletak di Parit Haji Nasir, Titi Serong. Beliau tinggal bersama isteri dan empat orang anaknya. Isterinya merupakan seorang suri rumah. Beliau bekerja sebagai buruh binaan dengan pendapatan RM30.00 sehari. Rumah yang mereka duduki berada dalam keadaan tidak siap sepenuhnya. Keadaan lantai dan siling tidak sempurna serta tiada bekalan air dan elektrik. Semasa lawatan tersebut, MAIPK telah menyumbangkan bantuan segera berjumlah RM200.00 dan barangan dapur kepada keluarga Encik Ahmad Nazri.



LOKASI 2

Haji Hashim bin Haji Osman

Rumah Haji Hashim terletak di Parit 310, Bagan Tiang. Beliau berumur 76 tahun dan tinggal bersama anak lelakinya. Keadaan bumbung rumah yang bocor, lantai dapur yang tidak berturap dan juga terdapat dinding yang tercabut. Hal ini memerlukan kos yang tinggi untuk kerja-kerja membaik pulih rumah beliau. Dicadangkan rumah sedia ada dirobuhkan dan digantikan dengan pembinaan rumah yang baru. Semasa lawatan tersebut, MAIPK telah menyumbangkan bantuan segera berjumlah RM200.00 dan barangan dapur kepada Haji Hashim.



LOKASI 3

Rodiah binti Yusope

Lokasi di Kampung Kuala Bagan Tiang. Puan Rodiah merupakan seorang wanita yang menghidap sejenis penyakit saraf. MAIPK telah menyumbangkan bantuan segera berjumlah RM200.00 berserta barangan dapur semasa lawatan tersebut.



LOKASI 4

Masnah binti Hussin

Puan Masnah berumur 71 tahun dan tinggal bersama adiknya. Beliau menghidap sakit tua dan hanya terlantar di rumahnya, Parit Tali Air Kerani, Tg. Piandang. Pihak MAIPK mencadangkan bantuan bulanan sebanyak RM250.00 dan diberikan tilam khas untuk kegunaan beliau sepanjang masa terlantar. MAIPK telah menyumbangkan bantuan segera berjumlah RM200.00 serta barangan dapur semasa lawatan tersebut.



LOKASI 5

Masjid Taufiqiah, Kuala Kurau

Pada majlis tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK telah menyerahkan bantuan wang tunai berjumlah RM200.00 kepada Jawatankuasa Masjid Taufiqiah, Kuala Kurau.



LOKASI 6

Khairul Nizat bin Ahmad

Encik Khairul Nizat merupakan seorang OKU yang berumur 42 tahun dan tinggal seorang diri di Kampung Tersusun Kuala Gula. Beliau tidak menerima sebarang bantuan dari mana-mana pihak. Pihak MAIPK mencadangkan bantuan baik pulih rumah iaitu menggantikan siling rumah, pemberian kelengkapan rumah seperti kipas angin dan peti ais serta pemberian bantuan bulanan. Semasa lawatan tersebut, MAIPK telah menyumbangkan bantuan segera berjumlah RM200.00 dan barangan dapur kepada beliau.



Semoga setiap program yang dijalankan oleh MAIPK akan memberikan kesan yang positif kepada golongan-golongan asnaf. Mereka memerlukan pembelaan yang sewajarnya demi kelangsungan kehidupan mereka.

PROGRAM JEJAK ASNAF SEMPENA PROGRAM PEMUKIMAN YAB MENTERI BESAR PERAK DI DAERAH HULU PERAK

PENKALAN HULU - Bagi menterjemahkan dan menunjukkan keprihatinan MAIPk terhadap golongan-golongan yang tidak bernasib baik, pihak MAIPk telah mengadakan program jejak asnaf di sekitar kawasan Pengkalan Hulu pada 27 Februari 2016. Program jejak asnaf tersebut turut disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Muhamed. Antara lokasi-lokasi yang dilawati ialah seperti berikut :-

LOKASI 1

Siti Fatimah binti Musa

Rumah Puan Siti Fatimah terletak di Kampung PPMS Tanah Hitam, Mukim Pengkalan Hulu. Beliau tinggal bersama-sama dengan empat orang anak beliau dan dua orang cucu. Beliau merupakan penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM200.00 sebulan. Beliau juga telah berpisah dengan suami dan tiada pendapatan yang lain yang membantu menampung kehidupan sekeluarga mereka. Pihak MAIPk telah mencadangkan bantuan baik pulih rumah dan pembelian peralatan rumah supaya dapat memperbaiki keadaan rumah yang uzur. Selain itu, pihak MAIPk mencadangkan bantuan membeli motosikal untuk anak lelaki beliau. Hal ini supaya membantu memudahkan anak lelaki beliau mencari pekerjaan. Semasa lawatan tersebut MAIPk telah menyumbangkan bantuan segera RM200.00 dan juga sumbangan barangan dapur.



LOKASI 2

Muhammad Rusli bin Abdul Rahim

Rumah Encik Muhammad Rusli ini terletak di Kampung Klian Intan. Beliau tinggal bersama-sama isteri, tiga orang anak dan ibu beliau. Ibu

beliau mendapat bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat berjumlah RM100.00 sebulan. Encik Muhammad Rusli bekerja sebagai penoreh getah dengan pendapatan sebanyak RM30.00 sehari. Pihak MAIPk telah mencadangkan bantuan bina rumah disebabkan keadaan rumah sedia ada dalam keadaan daif di mana keadaan tangga rumah beliau tidak selamat dan juga bumbung yang sudah bocor. Semasa lawatan tersebut MAIPk telah menyerahkan bantuan segera RM200.00 beserta sumbangan barangan dapur.



LOKASI 3

Hassan bin Sulaiman

Bertempat di Kampung Selarung, Pengkalan Hulu, Encik Hassan yang berumur 65 tahun tinggal bersama anak lelaki beliau yang masih bersekolah. Beliau bekerja menyara keluarga dengan mengambil upah membuat kerja-kerja kampung. Pihak MAIPk telah mencadangkan bantuan baik pulih rumah kerana memandangkan keadaan rumah yang daif khususnya dibahagian dapur dan bilik air. Dalam lawatan ini MAIPk telah menyalurkan bantuan segera RM200.00 beserta sumbangan barangan dapur.



LOKASI 4

Kechik Saat bin Ibrahim

Rumah Encik Kechik Saat bertempat di Kampung Simpang Pulai, Pengkalan Hulu. Beliau tinggal seorang diri di rumah yang serba kekurangan. Beliau telah menghidap penyakit selaput mata dan akan menjalani pembedahan buang selaput mata pada April 2016. Rumah beliau juga tiada bekalan air bersih dan elektrik. Bantuan yang diterima beliau iaitu bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM300.00 sebulan. Pihak MAIPk telah memutuskan untuk membina rumah baru di hadapan rumah sedia ada beliau dan MAIPk telah menyumbang bantuan segera RM200.00 beserta sumbangan barangan dapur semasa lawatan tersebut.





MAJLIS HI-TEA BERSAMA USAHAWAN ASNAF MAIPK



IPOH - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan satu Majlis Hi Tea bersama peserta Program Pemerksaan Asnaf (PROPER A) pada 13 Januari 2016. Majlis ini telah dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK Dr. Amiruddin Muhamed serta pegawai-pegawai MAIPK. Seramai 55 peserta telah hadir dan mereka ini juga merupakan peserta yang telah berjaya mengikuti kursus dan latihan keusahawanan sepanjang tahun 2015. Kesemua peserta ini berjaya meningkatkan pendapatan dalam bidang perniagaan masing-masing. Namun lebih membanggakan lagi seramai empat orang peserta telah tampil dalam majlis tersebut untuk membayar zakat perniagaan kepada MAIPK. Dalam majlis ini juga pihak MAIPK turut melantik seramai enam orang peserta PROPER A tahun 2014 sebagai Mentor kepada semua peserta PROPER A MAIPK dalam majlis tersebut. Semoga kejayaan mereka menjadi inspirasi kepada golongan asnaf yang lain.



TINJAUAN LOKASI TANAH WAKAF DAN BAITULMAL DI TAPAH DAN KAMPAR

TAPAH

- Bahagian Hartanah dan Pelaburan MAIPK membuat tinjauan lokasi tanah wakaf di Batu 4, Jalan Tapah yang berkeluasan 20 ekar.
- Tinjauan lokasi tersebut diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Dr. Amiruddin Muhamed.
- Tinjauan lokasi tanah telah menggunakan pesawat terbang kecil atau dron yang dapat menyediakan gambaran keseluruhan tanah daripada pemandangan dari udara.



KAMPAR

- Pihak MAIPK membuat tinjauan lokasi tanah baitulmal Kampar di Kampung Air Hitam Labu dan Kg. Gunung Mesar Hilir.
- Tinjauan dibuat bagi mengenal pasti potensi pembangunan yang boleh dijanakan.
- Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK turut menyertai tinjauan lokasi kedua-dua tanah tersebut.



Lokasi tanah baitulmal di Kampung Air Hitam Labu.



Lokasi tanah baitulmal di Gunung Mesah Hilir.

KEM MOTIVASI ANAK ASNAF



BATU KURAU - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) melalui Unit Agihan dan Pembangunan Asnaf telah menganjurkan program Kem Motivasi Pemantapan Sahsiah Asnaf bertempat di Kem Motivasi Mawaddah pada 15 hingga 17 Mac 2016. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk, Tuan Mohd Haidi Bin Sulaiman telah merasmikan kem motivasi yang berlangsung selama tiga hari itu. Kem motivasi tersebut disertai seramai 80 pelajar tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Mereka ini terdiri daripada anak-anak asnaf penerima bantuan daripada MAIPk daerah Kampung Gajah, Seri Iskandar, dan Lenggong.

Para peserta yang hadir didedahkan dengan motivasi, sahsiah diri, ilmu kerohanian dan pemantapan diri untuk membentuk sikap serta jati diri yang unggul. Hal ini juga akan menjadikan mereka berkeyakinan tinggi dalam menjalani kehidupan seharian. Selain itu, di dalam kem motivasi ini juga ditekankan kepada mereka tentang kepentingan menuntut ilmu supaya mereka dapat membantu keluarga mereka keluar daripada kepompong kemiskinan pada masa akan datang. Pada akhir sesi, majlis penutup dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Zakat A.F.Ustaz Bakri Bin Lee.



357 PELAJAR TERIMA BIASISWA MAIPK



IPOH - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan Majlis Penyampaian Biasiswa Pelajaran Baitulmal pada 31 Mac 2016 di Auditorium Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Seramai 357 pelajar menerima Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal dimana ianya melibatkan dana berjumlah RM357,000 sejak diperkenalkan pada tahun 2012. Majlis biasiswa telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK Dr. Amiruddin Muhamed kepada 100 pelajar Tingkatan Satu seluruh Negeri Perak. Mereka yang terpilih menerima RM1000 setahun setiap seorang daripada mereka belajar di Tingkatan 1 sehingga ke Tingkatan 5. Penerima skim biasiswa itu terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang terpilih selepas menghadiri temuduga dan memenuhi kriteria yang ditetapkan MAIPK.

Kriteria pemilihan adalah berdasarkan pencapaian akademik, kokurikulum dan kelayakan had kifayah keluarga terbabit. Dalam majlis tersebut juga turut disampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang KPE kepada Nurul Aqilah Ahmad dari SMK Kuala Kurau yang merupakan penerima Biasiswa MAIPK tahun 2012 telah mencapai keputusan cemerlang 10A dalam ujian PT3 pada tahun 2015. Turut hadir dalam majlis ini Penolong Pengarah Biasiswa dan Tajaan Jabatan Pendidikan Negeri Perak Encik Khairil Anwar Yacob serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK Puan Hajah Wan Maizura Haji Wan Zahari.



FORUM BICARA ZAKAT MAIPK TENTANG KEBERKATAN MENUNAI ZAKAT



GERIK - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) bahagian Daerah Gerik telah menganjurkan Program Dakwah dan Bicara Santai Zakat yang berlangsung pada 24 Mac 2016 selepas solat Isyak di perkarangan Masjid Jamek Daerah Gerik Forum yang bertajuk "...Walaupun Berat Tapi Berkat..." ini disampaikan oleh tiga panel hebat iaitu Ustaz Mohd Hanafiah Abdul Malek (personaliti TV9), Ustaz Muhd Ibrahim (Ustaz Mat Cina) serta Mr Os yang juga merupakan Duta Zakat MAIPK.

azab yang bakal akan diterima jika seseorang lalai menunaikan zakat.

Di program yang sama, pihak Unit Dakwah dan Operasi Zakat MAIPK juga menyediakan Kaunter Zakat Bergerak. Kaunter ini menyediakan perkhidmatan seperti menaksir, membayar dan menyemak zakat. Turut hadir, Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pengurusan MAIPK, Encik Rohizan Bin Haji Omar, Pengurus Kanan Unit Dakwah dan Operasi Zakat MAIPK, Encik Ahmad Nazim Bin Md. Tajuri serta Pegawai Baitulmal Daerah Gerik, Encik Amirudin Bin Osman.



Forum ini membicarakan mengenai keberkatan dalam menunaikan zakat di mana ahli panel menceritakan melalui zakat yang ditunaikan merupakan salah satu jalan demi mendapat keberkatan dalam kehidupan dan hanya orang yang memperoleh keberkatan itu sahaja yang merasai nikmatnya. Selain itu, dalam forum ini para panel juga turut menyentuh



SKIM WAKAF TUNAI WAQAF PERAK AR - RIDZUAN

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada tahun 2007 telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan. Menurut Dr. Murat Cizakca, seorang cendekiawan Islam moden menyatakan bahawa wakaf tunai telah dipraktikkan sejak awal abad kedua Hijriyah. Mulai penghujung abad ke-15 hingga abad ke-18, wakaf tunai berkembang dengan pesat di Turki semasa zaman pemerintahan Uthmaniyyah di mana amalan wakaf tunai telah berjaya meringankan perbelanjaan kerajaan dalam menyediakan kemudahan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perbandaran dan sebagainya kepada masyarakat.

Allah s.w.t berfirman dalam surah Ali Imran, ayat 92 yang bermaksud : ***"Kamu sekali-kali tidak dapat mencapai hakikat kebajikan dan kebaktian yang sempurna sehinggalah kamu memberi (menafkahkan) sebahagian harta yang kamu cintai ke jalan Allah. Dan apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah Taala Maha Mengetahui"***.

Keperluan wakaf tunai sangat diperlukan untuk menggalakkan dan menarik minat masyarakat Islam keseluruhan kearah membudayakan semuala amalam wakaf dan sedekah jariah demi kemaslahatan ummah. Selain itu, dana berbentuk tunai lebih mudah untuk diuruskan dan lebih ekonomik, di samping perancangan juga dapat dilakukan dengan lebih tersusun dan berkesan berdasarkan keperluan dan masalah semasa.

Sumbangan wang tunai yang dikumpulkan akan disatukan ke dalam satu akaun khas dana wakaf tunai dan wang tunai tersebut akan ditukarkan kepada asset atau harta kekal seperti pembangunan hartanah, pembangunan harta wakaf yang sedia ada, pembinaan bangunan pejabat, rumah kedai, sekolah agama, rumah orang tua, anak yatim, pembangunan perladangan, pertanian, perternakan dan perkilangan.

Apakah itu Skim Wakaf Tunai Waqaf Perak Ar - Ridzuan?

Skim Wakaf Tunai merupakan sebahagian daripada Waqaf Perak Ar - Ridzuan yang telah dilancarkan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak pada 07 April 2016. Wakaf tunai ini memudahkan berwakaf menggunakan wang tunai di mana Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) diamanahkan untuk mengurus harta pewakaf.

Siapakah yang layak menyertai Skim Wakaf Tunai Waqaf Perak Ar - Ridzuan?

Terbuka kepada umat Islam tanpa mengira usia, bangsa keturunan dan warganegara. Skim ini juga terbuka kepada orang-orang bukan Islam, asalkan mereka bersetuju mematuhi syarat dan prosedur yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Penyertaan dan sumbangan juga boleh datang dari pihak syarikat dan agensi yang berminat sama ada dari dalam atau luar negeri.

Berapakah kadar sumbangan bagi Skim Wakaf Tunai Waqaf Perak Ar - Ridzuan?

Kadar penyertaan minimum adalah RM1.00 dan tiada kadar maksimum. Bagi setiap penyertaan melebihi RM100.00 akan dikeluarkan sijil Skim Wakaf Tunai Waqaf Perak Ar - Ridzuan.

Apakah penyumbang/perwakaf menerima pulangan?

Penyumbang dalam Skim Wakaf Tunai Waqaf Perak Ar - Ridzuan tidak mendapat sebarang pulangan dalam bentuk dividen kerana ianya bersifat wakaf dan hanya ganjaran pahala jariah yang dipohon daripada Allah S.W.T.

*Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai Skim Wakaf Tunai Waqaf Perak Ar - Ridzuan boleh melayari di laman portal Waqaf Perak Ar - Ridzuan <http://wakafperak.maiamp.gov.my> serta melalui facebook **Waqaf Perak Ar-Ridzuan**.



PUNGUTAN ZAKAT BAGI TAHUN 2015

JENIS ZAKAT	JUMLAH (RM)
Zakat Fitrah	8,251,918.00
Zakat Harta	75,780,943.19
Zakat Perniagaan	47,453,912.70
Zakat Tanaman	1,096,192.33
JUMLAH KESELURUHAN	132,582,966.22

AGIHAN ZAKAT BAGI TAHUN 2015

ASNAF	JUMLAH (RM)
Fakir dan Miskin	86,947,697.02
Muallaf	6,059,074.06
Ghorimin	1,268,441.54
Ibnu Sabil	976,667.60
Fisabilillah	30,238,483.12
Amil	14,124,226.01
JUMLAH KESELURUHAN	139,614,589.35

BERITA SANA SINI

Penyerahan Zakat Perniagaan Bank Simpanan Nasional kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK pada 13 Januari 2016



Kunjungan hormat Ketua Pegawai Eksekutif Aman Palestin kepada ketua Pegawai Eksekutif MAIPK pada 27 Januari 2016



Perhimpunan Bulanan MAIPK Bil 1/2016 di Auditorium Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 04 Februari 2016



Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK di Perhimpunan Kontraktor yang berlangsung pada 15 Februari 2016



Kursus Induksi MAIPK kepada semua perkhidmat MAIPK yang baru bertempat di Kampar pada 15 hingga 19 Februari 2016



Lawatan pelajar Politeknik Ungku Omar pada 17 Februari 2016



Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK menyampaikan hadiah Pertandingan Mencipta Logo dan Moto MAIPK pada 17 Februari 2016



Taklimat Zakat Pendapatan di hospital Slim River pada 4 Mac 2016





Bengkel Pengemaskinian Data Sistem Maklumat Imam dan Masjid (SISMIM) pada 8 hingga 10 Mac 2016



MAIPK membuka kaunter zakat sempena program Klinik Dr Zambry di Kuala Kangsar pada 17 Mac 2016



Penyerahan Zakat Perniagaan Syarikat Pembinaan Caj Maju Sdn Bhd kepada MAIPK yang diwakili oleh Mufti Perak pada 30 Mac 2016



Majlis Ramah Mesra dan Taklimat Kewajipan Berzakat di kem tentera di Pengkalan Hulu Perak pada 31 Mac 2016



7 WASIAT

RAJA-RAJA MELAYU

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu semasa menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah :

Pertama :

Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.

Kedua :

Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu,

selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain;

Ketiga :

Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara;

Keempat :

Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini;

Kelima :

Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan;

Keenam :

Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU;

Ketujuh :

Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak)

